

Newspaper	Berita Minggu
Date	13/5/2013

BERITA MINGGU

rencana



Datuk Seri Abdul Aziz Abdul Rahman
Presiden Majlis Bekas-bekas Wakil Rakyat (Mubarak)

44
Memang saya tidak dapat menyaksikan dengan mata saya ini kejadian itu tetapi laporan media massa di Australia mahu pun akhbar Barat termasuk The Times sangat berat sebelah dan tidak melaporkan yang benar malah menyalahkan orang Melayu serta anggota keselamatan"



FAKTOR SERTA MERTA BERLAKU KEJADIAN

Perarakan kemenangan parti pembangkang di Kuala Lumpur.

Peristiwa ini berlaku berikutan pengumuman keputusan Pilihan Raya Umum pada 10 Mei 1969. Dr Tan Chee Khoon dari parti GERAKAN menang besar di kawasan Batu Selangor. Beliau minta kebenaran polis untuk berarak meraikan kemenangan parti itu. Perarakan itu menyebabkan kesesakan jalan raya di sekitar Kuala Lumpur. Perarakan hingga ke Jalan Campbell dan Jalan Hale dan menuju ke Kampung Baru sedangkan di Kampung Baru, diduduki lebih 30,000 orang Melayu yang menjadi kubu UMNO. Di sini letaknya

rumah Menteri Besar Selangor ketika itu, Datuk Harun Idris.

Tindak balas orang Melayu pada perarakan kemenangan pilihan raya.

UMNO mengadakan perarakan balas pada pagi 13 Mei 1969 yang mengakibatkan terjadinya peristiwa ini. Hal ini adalah kerana perasaan emosi yang tinggi dan kurangnya kawalan dari kedua-dua pihak. Perarakan ini tidak dirancang.

Orang Melayu berkumpul di rumah Menteri Besar Selangor di Jalan Raja Muda Abdul Aziz di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Harun selaku Menteri Besar Selangor ketika itu cuba mententeramkan keadaan.

PERISTIWA 13 MEI 1969

Parti berasaskan kaum seperti GERAKAN, PPP, PARTI BURUH dan DAP membawa isu dan sentimen perkauman dalam tiga pilihan raya selepas kemerdekaan negara iaitu pilihan raya pada 1959, 1964 dan 1969. PAS tidak terkecuali kerana sering bangkitkan isu pemberian kerakyatan kepada orang bukan Melayu selain mengkafirkan UMNO kerana bersekongkol dengan MCA dan MIC.

Parti Perikatan hilang Kelantan, Pulau Pinang dan di Perak tidak dapat membentuk kerajaan kerana keputusan 50:50 manakala di Selangor Parti Perikatan menang dengan kelebihan dua kerusi.

Parti berasaskan kaum juga membangkitkan isu yang sudah termaktub dalam Perlembagaan Negara seperti bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan penubuhan sekolah kebangsaan menggantikan sekolah inggeris dan sekolah jenis kebangsaan. GERAKAN, PARTI BURUH, PPP DAN DAP tidak puas hati kerana bahasa Cina tidak dijadikan bahasa kebangsaan dan sekolah Cina tidak jadi sekolah kebangsaan selain pertikaian isu agama, institusi diraja dan beberapa isu lain.

Kerajaan tidak tegas melaksanakan dasar yang sudah dicapai serta yang termaktub dalam Perlembagaan walaupun 10 tahun selepas merdeka sebaliknya terlalu menjaga kepentingan politik.

Wujud kumpulan politik yang mendokong isu berbeza dan menentang Parti Perikatan kerana kerjasama tiga kumpulan UMNO, MCA DAN MIC.

Masih meneruskan dasar yang dibawa pemerintahan British iaitu memisahkan masyarakat mengikut pekerjaan dan aktiviti ekonomi yang mana orang Cina tinggal di bandar bekerja dalam pelbagai sektor utama dan pemiagaan, Melayu di luar bandar dengan menjalankan aktiviti pertanian serta sara hidup manakala masyarakat India ditempatkan di estet sebagai buruh ladang.

Keputusan pilihan raya 1969 menyaksikan Parti Perikatan mendapat undi yang rendah dan dengan peratusan 48 peratus walaupun menang dengan majoriti dua pertiga. Keputusan itu menyaksikan

British tidak membuat sebarang pembangunan di luar bandar malah kemudahan asas seperti bekalan air paip dan jalan raya. Kawasan luar bandar mundur, penduduk guna air periigi dan jalan tanah merah manakala orang Cina tinggal di bandar yang ada pelbagai kemudahan bank, pejabat kerajaan, pejabat pos dan kemudahan pengangkutan dan jalan raya tar. British membawa pelabur dari China dan membiarkan orang Cina membina bandar.

Justeru, keamanan yang dikecapi kini hasil pemulihan perpaduan kaum dan penstrukturan semula masyarakat kesan peristiwa hitam itu perlu dipertahankan bukannya diperlekehkan atau dipandang sepi sehingga sanggup terbabat dalam pelbagai acara yang boleh menimbulkan huru-hara seperti perhimpunan BERSIH, baru-baru ini.

Pakar sejarah yang juga Profesor di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Prof Datuk Ramlah Adam berkata beliau melihat generasi baru dan pemimpin sesetengah parti politik seakan lupa dengan peristiwa 13 Mei 1969 dan seakan tidak mahu mengambil iktibar daripada tragedi berkenaan.

Ramlah berkata, kini wujud golongan yang bertindak terlalu biadap dengan memainkan sentimen yang boleh mencestuskan huru-hara seperti yang pernah tercedas pada 13 Mei 1969 serta semakin berani mendedahkan keburukan orang lain mahupun kerajaan tanpa rasa segan silu.

"Orang Melayu pula saya lihat macam hilang kuasa dan keberanian malah semangat perpaduan mula terhakis, malah tiada lagi semangat mahu berjuang untuk bangsa. Hala tuju perjuangan parti juga semakin pudar. Contohnya PAS jika dulu mengkafirkan UMNO kerana kononnya bersekongkol dengan MCA dan MIC, kini parti itu beralih arah dan bekerjasama dengan DAP.

"Lebih menyedihkan saya, PAS yang memperjuangkan Islam, baru-baru ini mahu mengeluarkan agama Islam daripada Perlembagaan Negara sedangkan dulu perjuangannya mahu memartabatkan agama Islam dan menuduh Parti Perikatan sebagai tidak menjalkan Islam dengan baik," katanya.

Beliau juga mahu generasi muda mengambil iktibar daripada peristiwa 13 Mei supaya tidak beremosi dalam perjuangan sehingga meninggalkan jati diri sebagai rakyat negara ini.

"Tidaklah mereka melihat dalam tempoh 55 tahun merde-

ka ini banyak sangat yang kerajaan sudah lakukan termasuk terlalu berkompromi dalam banyak hal yang sudah termaktub dalam Perlembagaan. Jangan biarkan banyak perkara dalam Perlembagaan dilepaskan begitu saja kerana ia akan merugikan rakyat seluruhnya.

"Masyarakat kini tidak melihat sejarah untuk dijadikan panduan meneruskan kehidupan sebaliknya lebih suka mendengar cakap orang dan menerima fitnah serta menolak kebenaran dan sukan benda anti kebenaran seperti menyokong kegiatan seks songsang oleh kumpulan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

"Seperti perhimpunan BERSIH baru-baru ini, saya nampak parti pembangkang mendidik masyarakat menolak undang-undang dengan sewenang-wenangnya memukul polis yang menjadi penguatkuasa undang-undang, dikehutiri sikap anarki golongan ini dianggap satu kelemahan yang akan digunakan kuasa asing menajahkan Malaysia," katanya.